

Headline	FBM KLCI cecah paras tertinggi baru		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Page No	B1
ArticleSize	387 cm ²	Journalist	Mahanum Abdul
PR Value	RM 39,156		



FBM KLCI cecah paras tertinggi baru

» *Semakan semula tarif elektrik dapat reaksi positif pelabur*

Oleh **Mahanum Abdul Aziz**
mahanum_aziz@bh.com.my

Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE (FBM KLCI) Bursa Malaysia melonjak ke paras penutup tertinggi barunya pada 1,824.29 mata semalam, apabila pelabur memberikan reaksi positif terhadap semakan semula tarif elektrik yang menjadi sebahagian daripada langkah pengurangan subsidi secara berperingkat yang dilaksanakan kerajaan.

Penanda aras utama pasaran saham tempatan itu berada pada paras tinggi sepanjang urus niaga semalam apabila dibuka pada 1,825.26 mata sebelum melonjak ke paras tertinggi hariannya 1,840.12 mata pada sesi dagangan pagi.

Paras penutup tertinggi FBM KLCI sebelum ini ialah 1,818.93 mata yang dicatatkan pada 24 Oktober lalu.

Berbanding penutup kelmarin, indeks itu meningkat 6.14 mata. Sejumlah 1.241 bilion saham bernilai RM2.103 bilion diurusniagakan semalam.

Ketua Penyelidik di MIDF Research, Syed Muhammad Kifni Syed Kamaruddin, berkata peningkatan kukuh indeks penanda aras pasaran saham tempatan itu didorong minat belian yang kukuh oleh

pelabur tempatan dan asing.

Beliau berkata, pengumuman semakan semula tarif elektrik menjadi pemangkin utama kepada penumpuan minat belian pelabur, terutama dalam saham Tenaga Nasional Bhd (TNB) yang menjadi penyumbang utama kepada kenaikan FBM KLCI, semalam.

Mantap kewangan negara

Katanya, minat belian dalam pasaran saham tempatan juga kukuh kerana pelabur semakin yakin dengan komitmen kerajaan dalam memantapkan kedudukan kewangan negara.

Melangkah ke hadapan, Syed Muhammad Kifni berkata, jangkaan pertumbuhan ekonomi dan pendapatan korporat yang kukuh akan terus menyokong pengukuhan pasaran saham tempatan dengan Indeks FBM KLCI dijangkakan mampu mencecah paras 1,900 mata tahun depan.

Beliau berkata, bagi tahun ini bursa Malaysia mencatatkan prestasi yang baik dengan menyaksikan saham tempatan didagangkan pada paras 17 kali pendapatan berbanding purata 15 kali yang dicatatkan dalam tempoh lapan tahun lalu.

JPMorgan Chase Bank dari

Singapura pula berkata, semakan semula tarif elektrik itu adalah satu lagi langkah pengukuhan fiskal oleh kerajaan Malaysia yang boleh menjimatkan sehingga RM4 bilion dalam kedua-dua kehilangan pendapatan PETRONAS dan subsidi langsung kerajaan.

"Sebelum ini, kami agak skeptikal mengenai kemungkinan pengukuhan fiskal (kerajaan Malaysia) tetapi kebelakangan ini bukti menunjuk-

kan bahawa pembaharuan fiskal bergerak lebih pantas daripada dijangkakan dan ia adalah perkembangan yang positif.

"Ini mungkin merubah persepsi pelabur mengenai risiko fiskal di Malaysia," kata bank itu dalam satu nota penyelidikan.

Sementara itu, Ketua Penyelidikan RHB Research Institute Alexander Chia berkata kerajaan mengambil langkah berani dalam keadaan yang sukar dengan melaksanakan program pengurangan subsidi secara berperingkat, melangkaui unjuran agensi penarafan antarabangsa.

"Ini menunjukkan kerajaan bersungguh-sungguh dalam usaha mengukuhkan kedudu-

kan kewangannya," katanya kepada BERNAMA.

Dalam dagangan semalam, harga saham TNB melonjak sehingga 27 peratus atau RM2.71 kepada paras tertinggi RM12.60 sebelum ditutup pada RM10.72.

Saham syarikat utiliti itu adalah antara saham paling aktif diniagakan semalam dengan 46.7 juta saham diurusniagakan.

“Pengumuman semakan semula tarif elektrik menjadi pemangkin utama kepada penumpuan minat belian pelabur, terutama dalam saham Tenaga Nasional Bhd (TNB) yang menjadi penyumbang utama kepada kenaikan FBM KLCI”

Syed Muhammad Kifni Syed Kamaruddin,
Ketua Penyelidik di MIDF Research

Headline	FBM KLCI cecah paras tertinggi baru		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Page No	B1
ArticleSize	387 cm ²	Journalist	Mahanum Abdul
PR Value	RM 39,156		

